

# Usaha martabatkan bangsa Sungai

## Sabas Zon Beluran, UMS jalankan kajian kepelbagaian genetik etnik Sungai Labuk

46 12.4.2018 07

Oleh SALMAN ABADI

**S**UKU kaum orang Sungai merupakan salah satu pribumi Sabah yang ramai terdapat di negeri ini, khususnya di kawasan pantai timur.

Etnik Sungai di Sabah bernaung di bawah Persatuan Bangsa Sungai Sabah atau *Sabah Association of Bangsa Sungai* (Sabas) dalam usaha mengangkat martabat budaya dan sosioekonomi dalam kalangan masyarakat itu yang terdapat di Sabah.

Justeru, landasan kepada imej dan sifat budaya masyarakat etnik Sungai yang diperjuangkan Sabas sejak penubuhannya pada tahun 1979, bukan sahaja harus ditunaikan malah memastikan para ahlinya mampu memberi sumbangan besar kepada kekuatan bangsa dan kemajuan negara.

Penonjolan program menerusi persatuan itu sememangnya dipergiatkan demi mengangkat nama dan martabat Sabas sebagai salah satu simbol kekuatan dan kesepaduan kepada kewujudan gabungan etnik dan bangsa Sungai itu sendiri.

Dalam usaha mengkaji kepelbagaian genetik dalam kalangan orang Sungai di Sabah, maka Sabas zon Beluran dengan kerjasama Fakulti Perubatan Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kota Kinabalu telah mengadakan 'Program Kajian Kepelbagaian Genetik Dalam Kalangan Kumpulan Etnik Sabah Bersama Etnik Suku Kaum Sungai Labuk', di Dewan Mini Poimpunan Kampung Kolapis Darat Beluran.

Pengerusi Perhubungan Sabas Zon Beluran Mad Rahil Mail @Ismail berkata pelbagai aktiviti dijalankan sempena program itu dengan aktiviti utama ialah



**JUHARI** (tengah) bersam rombongan UMS dan sebahagian AJK Sabas serta para pemimpin masyarakat di Kg Kolapis Darat.

mengambil sampel darah sebanyak 5-10 ml dari satu tangan lengan secara sukarela dengan sasaran kepada seramai 50 orang etnik Sungai di Beluran yang bukan dari keturunan kahwin campur.

Katanya, aktiviti lain yang diadakan ialah menyukat tekanan darah dan denyutan nadi serta menyukat Indeks Jisim Tubuh (BMI), tinggi dan berat badan, di samping pengenalan secara ringkas tentang tujuan kajian atau projek penyelidikan melalui program pengambilan darah yang dijalankan.

"Turut diadakan ialah acara senamrobik, nyanyian lagu-lagu patriotik, pendaftaran keahlian baharu dalam Sabas, cabutan tiket bertuah dan juga merarau berkonsepkan kenduri sekampung," katanya.

Menurutnya, program itu bermatlamat untuk mendapatkan 'Asam Deoksiribonukleat' atau *Deoxyribo Nucleic Acid* (DNA) dari sampel darah yang diambil untuk tujuan kajian kepelbagaian genetik, di samping memberi perkhidmatan saringan dan pemeriksaan kesihatan percuma kepada setiap peserta, khasnya orang Sungai yang terlibat sebagai sampel untuk kajian itu.

Selain itu, ia juga bertujuan memupuk nilai-nilai murni dan perpaduan masyarakat serta mengeratkan lagi jalinan silaturahim antara peserta dan semua pihak pihak yang terlibat.

"Setiap peserta yang terlibat (diambil sampel darah) diberikan hadiah sagu hati sebagai 'sogit' ke atas darah yang didermakan untuk tujuan kajian berkenaan," katanya yang bertugas sebagai Pembantu Tadbir (PT/AKP) di Sekolah Kebangsaan (SK) Limau-limau, Pulau Jambongan Beluran.

Melalui program itu, Mad Rahil berharap usaha berkenaan sentiasa disuburkan di setiap sanubari warga Sabas demi melahirkan masyarakat yang dinamik dan berdaya maju, seterusnya dapat mengeratkan semangat perpaduan rakyat, khususnya dalam kalangan ahli persatuan.

"Dengan semangat perpaduan dan kerjasama yang kukuh, ia seterusnya dapat memastikan keyakinan persatuan Sabas dalam melangkah ke hadapan untuk membawa rakyat dan negeri Sabah ke arah pembangunan dan kejayaan yang lebih

cemerlang," ujarnya.

Beliau turut berharap agar penonjolan seni budaya masyarakat Sungai akan terus diberi peluang yang besar untuk diperluas dan dipertingkatkan khasnya di Sabah atau di Malaysia amnya, seterusnya di persada dunia.

Rombongan UMS yang terlibat mengendalikan program itu ialah Pensyarah Kanan Fakulti Perubatan UMS Dr Yew Chee Wei selaku ketua projek, Dr Mohd Zahirul Hoque (dokter perubatan) bersama dua pelajar UMS iaitu Nur Asfariena Tupah dan Lilian Jose.

Majlis perasmian Program Kajian Kepelbagaian Etnik yang julung kali diadakan itu disempurnakan oleh Presiden Sabas Kolonel Dato' Juhari Haji Janan.

Dalam ucapannya, Juhari memuji usaha dan komitmen pihak Perhubungan Sabas Zon Beluran kerana berjaya melaksanakan program yang amat baik itu bersama pihak UMS.

Beliau berharap kerjasama dengan pihak UMS akan berterusan agar bangsa Sungai terus kekal dan terkenal bukan sahaja di Sabah, tetapi di seluruh dunia.

"Pihak UMS mencari genetik orang Sungai untuk mempertahankan dan mengkaji genetik supaya bangsa Sungai ini tidak suka-suka dipermainkan oleh mana-mana pihak," katanya.

Katanya, darah yang diambil akan disimpan dalam tabung di UMS untuk dibuat kajian terhadap genetik, termasuklah kajian dan pembelajaran dari aspek penyakit yang dikaitkan dengan keturunan seperti



**KETIBAAN** Juhari disambut Mad Rahil (kanan) dan para penduduk Kg Kolapis Darat.

darah tinggi, penyakit jantung, kekurangan darah putih, kanser dan sebagainya.

Namun katanya, orang Sungai pada masa kini sudah banyak yang terlibat dengan perkahwinan campur khasnya mereka yang telah berhijrah ke bandar atau berpindah ke tempat lain dan sebagainya.

Beliau menjelaskan di daerah Kinabatangan misalnya, orang Sungai dahulunya dipanggil 'Cina Batangan' tetapi selepas merdeka, ia dipanggil Kinabatangan.

Katanya, orang Cina pada masa dahulu datang ke Kinabatangan untuk berdagang dan dalam tempoh itu berlakulah proses kahwin campur antara orang Cina dengan penduduk tempatan (orang Sungai) dan mereka memeluk agama Islam.

Kedatangan orang Cina di Kinabatangan dahulu dapat dibuktikan dengan penemuan kesan tinggalan sejarah silam seperti yang terdapat di Gua Batu Tulug di Kampung Batu Putih, Kinabatangan (kini dinamakan Muzium Agop Batu Tulug).

Juhari yang juga Timbalan Pengerusi Majlis Gabungan Etnik-etnik Sabah menjelaskan pada masa ini terdapat lebih 300,000 orang jumlah penduduk etnik orang Sungai di seluruh Sabah.

Katanya, berdasarkan kajian dan data yang telah disahkan, terdapat sebanyak 32 etnik orang Sungai di Sabah, antaranya suku kaum Sukang, Pinokok, Makiang, Paitani dan sebagainya.

Selain itu katanya, di Sabah terdapat 35 kumpulan etnik dan 214 sub-etnik di seluruh pelosok negeri



**JUHARI** (kanan) menyerahkan cenderamata kepada Dr Yew sambil diperhatikan Mad Rahil (tengah).

Sabah (berdasarkan kajian dan maklumat Lembaga Kebudayaan Sabah (LKS) pada tahun 2010).

Taburan bangsa Sungai di Sabah yang paling ramai antaranya terdapat di daerah Kinabatangan, Tongod, Beluran (Labuk-Sugut), Pitas, Sandakan, Lahad Datu, Telupid, Paitan, Beaufort (Membakut), Kota Kinabalu dan sebagainya.

Beliau berkata, nama Dewan Pak Musa Beaufort adalah mengambil sempena nama orang Sungai yang digelar Pak Musa iaitu seorang pahlawan berasal dari Sugut (Paitan) yang berjuang menentang Inggeris pada zaman penjajah dahulu dan "itu sebab terdapat orang Sungai di Kampung Bambangan, Membakut," katanya.

Juhari berkata, jumlah orang Sungai yang begitu

ramai terdapat di Sabah turut 'mewarnai' landscape politik negeri Sabah dan pada masa ini (sebelum Dewan Undangan Negeri dan Parlimen dibubarkan pada 7 April lalu) terdapat enam wakil rakyat DUN dan lima wakil rakyat Parlimen adalah pemimpin dari suku kaum Sungai.

Beliau yang berasal dari Kinabatangan turut mempelawa pihak UMS untuk datang membuat kajian atau menyaksikan Pesta Damas Kinabatangan (Julai depan) yang merupakan pesta tahunan terbesar di daerah itu.

Sempena Pesta Damas katanya, pelbagai acara boleh disaksikan termasuklah adat istiadat perkahwinan orang Sungai, persembahan kebudayaan, pameran etnik, sukan laut dan sebagainya.



**SEBAHAGIAN** daripada individu etnik Sungai Labuk yang terlibat diambil darah sebagai sampel kajian genetik dalam kalangan kumpulan etnik Sabah.